



PEKELILING BENDAHARI BIL. 3 TAHUN 2014

Semua Dekan/Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.
YH Prof. Dato/YBhg. Prof/Prof Madya/Tuan/Puan,

PERATURAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN UNIVERSITI (PKPU) UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

TUJUAN

Pekeliling Bendahari ini bertujuan untuk memaklumkan Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU) yang telah dikemaskini bagi rujukan utama pelbagai bidang pengurusan kewangan di Universiti Malaysia Pahang.

LATARBELAKANG

2. PKPU merupakan rujukan utama dalam pengurusan kewangan Universiti. PKPU yang diguna pakai sehingga kini dikeluarkan pada tahun 2009 dan dikemaskini melalui beberapa Surat Pekeliling Bendahari. PKPU ini telah dikaji semula dengan beberapa peraturan diperkemaskan dan ditambah baik supaya sesuai dengan keperluan dan keadaan semasa termasuk mengambilkira pindaan Pekeliling Perbendaharaan dan Surat Pekeliling Perbendaharaan.

PERATURAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN UNIVERSITI (PKPU)

3. PKPU ini mengandungi 15 bab yang menjelaskan prosedur, arahan perakaunan dan kewangan yang berkaitan seperti berikut:

Bab	Tajuk
1.	Tujuan Dan Pengenalan Bahagian II : Kuasa-Kuasa Pengurusan Kewangan
2.	Belanjawan Tahunan
3.	Tatacara Perolehan
4.	Tatacara Terimaan Wang
5.	Tatacara Pembayaran
6.	Tatacara Panjar Wang Runcit
7.	Tatacara Pendahuluan Diri Dan Pelbagai
8.	Emolumen Dan Bayaran Lebih Masa
9.	Tatacara Pengurusan Aset
10.	Tatacara Pengurusan Akaun Amanah
11.	Pelaburan Dalam Simpanan Tetap
12.	Peraturan Pemberian Dan Penerimaan Hadiah
13.	Penyata Kewangan
14.	Tatacara Pengurusan Kewangan Geran Penyelidikan
15.	Tatacara Pengurusan Kewangan Pusat Kecemerlangan

4. Semua staf UMP perlu memahirkan diri dengan PKPU ini. Kurangnya pengetahuan mengenai PKPU tidak akan diterima sebagai suatu alasan sekiranya PKPU ini tidak dipatuhi.

TARIKH KUAT KUASA

5. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

PEMBATALAN

6. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling ini, Pekeliling Bendahari dan Surat Pekeliling Bendahari berikut adalah dibatalkan:

- (i) Pekeliling Bendahari Bil 3 Tahun 2009
- (ii) Surat Pekeliling Bendahari Bil 2 Tahun 2009

- (iii) Surat Pekeliling Bendahari Bil 3 Tahun 2009
- (iv) Surat Pekeliling Bendahari Bil 4 Tahun 2009
- (v) Surat Pekeliling Bendahari Bil 2 Tahun 2011

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan tugas



ZAINUDIN BIN OTHMAN
Bendahari
Universiti Malaysia Pahang

14 Mac 2014

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pendaftar